

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 27, 2020 1:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 2020 Tahun Terakhir Pelan Strategik Fasa 2



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 FEBRUARI 2020 / 3 REJAB 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

2020 TAHUN TERAKHIR PELAN STRATEGIK FASA 2



UUM ONLINE: "Tahun ini merupakan tahun terakhir bagi Pelan Strategik Fasa II (2016-2020), maka besarlah harapan saya agar Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) yang disasarkan bagi pelan ini dapat dicapai sebelum mengorak langkah ke fasa seterusnya yang lebih mencabar," kata Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Mesyuarat Pembentangan Pencapaian Pelan Strategik UUM bagi tahun 2019 di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Menurutnya, pembentangan Pelan Strategik UUM 2019 ini merupakan kesinambungan kepada pencapaian suku pertama, suku kedua dan suku ketiga yang berpandukan kepada empat (4) teras utama iaitu Teras 1 (Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan); Teras 2 (Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Bakat); Teras 3 (Membangun Mahasiswa Secara Holistik) dan Teras 4 (Menjana Kekayaan) yang meliputi 183 PI.

"Saya akui bahawa bukan mudah untuk mencapai setiap PI yang telah ditetapkan kerana ada di antara PI tersebut sememangnya cukup mencabar, namun saya yakin dengan usaha gigih yang berterusan pastinya akan membuahkan hasil.

“Justeru, saya berharap, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) dan semua pusat tanggungjawab (PTJ) terlibat dapat bersama-sama ke arah memastikan setiap agenda yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan,” katanya.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah di atas kegigihan semua pihak dan masih banyak yang perlu dilakukan bagi menjadikan UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Menurutnya, beliau berharap agar semangat dan kekuatan yang ditonjolkan itu akan terus teguh dalam merealisasikan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan di atas kapasiti sebagai individu, jabatan, pusat pengajian, kolej mahupun universiti.

Sementara itu, Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar berkata, sebagai sekretariat induk dalam Pelan Strategik UUM, Bahagian Perancangan Korporat, IPQ sentiasa berusaha untuk memastikan pelan strategik tersebut dapat menyokong agenda universiti.

“Sekiranya PTJ dan pusat pengajian memerlukan penerangan dengan lebih jelas berkaitan Pelan Strategik 2020, pihak IPQ bersedia menerima jemputan daripada PTJ dan PP untuk tujuan tersebut.

“Semakan boleh dibuat melalui portal *Strategic Planning Information System* (SPIS) dan IPQ sendiri terbuka menerima kunjungan PTJ dan pusat pengajian dalam aspek pengurusan data dengan harapan kualiti data yang dilaporkan dapat ditingkatkan dalam pembentangan 2020,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.